

19/02/2003

Malik tidak sabar teruskan `kerja gila'

PEMENANG pingat emas lumba basikal Sukan Malaysia (Sukma) 1994, Abdul Malik Mydin, 28, tidak kisah walaupun dianggap melakukan `kerja gila' kerana mahu mencipta sejarah berenang merentasi Selat Inggeris dari Dover, England menuju ke Cap Gris Nez, Perancis, Ogos ini.

Walaupun ramai beranggapan begitu, Abdul Malik bertekad mencipta sejarah dengan merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer (18.2 batu nautika) dalam air sejuk dengan suhu antara 14 hingga 18 darjah selcius.

Abdul Malik akan berlepas ke United Kingdom pertengahan Jun ini dan melakukan renangan itu pada Ogos kerana suhu air laut ketika itu antara 15 hingga 18 darjah selcius.

"Saya mahu buktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia juga mampu merentasi selat yang dianggap penuh cabaran seperti hyperthermia (kesejukan), sibuk dengan laluan kapal serta berombak setinggi enam lapan meter.

"Keinginan saya untuk berenang menyeberangi Selat Inggeris timbul selepas menyertai rancangan amal untuk tabung Kosovo pada 1999. Berikutan

itu persiapan dilakukan sejak tiga tahun lalu, termasuk mencari tajaan lebih RM1 juta, terutama daripada MEC dan Tenaga Nasional Berhad," katanya

dalam sidang akhbar di Pusat Akuatik Negara, Bukit Jalil pagi semalam.

Untuk berenang merentasi Selat Inggeris, Abdul Malik menjalani latihan intensif lima jam setiap hari.

Sebagai sebahagian sesi latihannya Abdul Malik berenang pergi balik antara Butterworth ke Pulau Pinang, Batu Kawan-Pulau Aman dan Pulau Besar (Johor) ke Mersing serta menduduki tempat kelima dengan masa 11 jam 22 minit 22 saat dalam renang maraton antarabangsa Sri Chinmoy dari Rapperswill ke Zurich, di Tasik Zurich, sejauh 26.4 kilometer, 4 Ogos lalu.

Abdul Malik juga mendapatkan galakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pada 24 Mei ini, Abdul Malik akan melakukan renangan dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi sejauh 48 kilometer. Ia bermula jam 9 malam (24 Mei) dan sampai kira-kira jam 4.30 petang (25 Mei).

Renang Amal itu yang turut disaksikan Dr Mahathir adalah untuk tabung Majlis kanser Nasional (Makna) di mana setiap kilometer renangan Abdul Malik akan ditawarkan kepada syarikat korporat dan kutipan disalurkan untuk membantu mangsa kanser.

Abdul Malek berlepas ke Melbourne malam tadi dan sebulan di sana menjalani latihan dikendalikan jurulatih renang profesional, John Van Wisse.

Dalam dua sesi latihan di Dover, London, tahun lalu, Abdul Malik

diawasi

perenang laut terbuka, Alison Streeter yang juga dikenali "Queen of The Channel".

Mengikut rekod, dalam tempoh 120 tahun sejak 1885, hanya 470 perenang berjaya merentasi Selat Inggeris manakala lebih 6,000 perenang gagal.